



Sesiapa yang menjamin untukku apa yang ada di antara kedua-dua rahangnya dan apa yang ada di antara kedua-dua kakinya, maka aku jamin baginya syurga

Daripada Sahl bin Sa'd RA, daripada Rasulullah ﷺ bahawa baginda bersabda: "Sesiapa yang menjamin untukku apa yang ada di antara kedua-dua rahangnya dan apa yang ada di antara kedua-dua kakinya, maka aku jamin baginya syurga."

[صحيح] [رواه البخاري]

Nabi محمد صلى الله عليه وسلم mengkhabarkan tentang dua perkara, yang jika seorang Muslim berpegang teguh dengan kedua-duanya, maka dia akan masuk syurga, Pertama: Menjaga lidah daripada berkata perkara yang memurkai Allah Taala, Kedua: Menjaga kemaluan daripada terjerumus ke dalam perbuatan keji; Kerana kedua-dua anggota ini adalah punca banyak berlakunya maksiat.

<https://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3475>

